

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL

SOALAN : NO. 87

YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyelaraskan semula jadual pembayaran balik pinjaman PTPTN bagi graduan yang masih menganggur dan jika benar, bagaimana cara mereka boleh melakukannya .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah bagi meringankan beban peminjam PTPTN yang masih belum mendapat pekerjaan adalah membenarkan penangguhan dibuat sehingga 24 bulan. Selain itu, peminjam yang tidak berkemampuan untuk membuat bayaran balik sebagaimana jadual yang ditetapkan, boleh menstruktur semula pembiayaannya mengikut kemampuan sehingga umur 60 tahun. Peminjam yang mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik diminta tampil berunding di mana-mana pejabat PTPTN di seluruh negeri. Di antara dokumen yang diperlukan untuk membuat penstrukturan semula adalah:

- (i) Borang permohonan yang boleh didapati di laman web PTPTN;
- (ii) Salinan slip gaji terkini; atau
- (iii) Penyata KWSP terkini; atau
- (iv) Penyata pendapatan (bagi yang bekerja sendiri).

SOALAN (88)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah program-program Kementerian dalam usaha menyediakan rumah mampu milik rumah bagi golongan muda dan berapa banyak telah dibangunkan sehingga kini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan pelbagai program dan skim untuk membantu rakyat terutamanya golongan belia untuk memiliki tempat tinggal antaranya :

i. Skim *MyHome*;

Skim ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2013. Skim ini merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim *MyHome* menawarkan insentif sehingga **RM30,000 seunit** yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta di mana Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM300,000,000** bagi pembinaan **10,000 unit** rumah mampu milik di seluruh Negara.

Sejak diumumkan pada tahun 2014 sehingga 25 Februari 2016 jumlah keseluruhan unit rumah *MyHome* yang telah mendapat kelulusan bersyarat di seluruh Malaysia adalah sebanyak 9,038 unit

ii. Skim *MyDeposit*;

Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (*MyDeposit*) adalah satu produk khusus yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi membantu golongan pertengahan memiliki rumah idaman. Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM200,000,000 sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk memiliki rumah mampu milik bagi tujuan bayaran deposit.

iii. Program Perumahan Rakyat; dan

Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah satu program Kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah KPKT

adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia. PPR terdiri daripada 2 kategori iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki.

Dari tahun 2000 sehingga Januari 2016, KPKT telah siap membina sejumlah 80,247 unit rumah PPR di seluruh negara. Terdapat sejumlah 14,245 unit lagi sedang dalam pembinaan dan 8,499 unit dalam pelbagai peringkat perancangan.

iv. Rumah Transit 1 Malaysia.

Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) adalah bertujuan untuk memberi kemudahan perumahan kepada pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah. Program ini bertumpu di bandar-bandar besar untuk mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah/berkelayakan. Rumah ini disewakan dengan kadar sebanyak RM250.00 sebulan.

Sehingga kini, program RT1M telah dilaksanakan di projek PPR sedia ada iaitu PPR Bukit Jalil sebanyak 632 unit. Kadar sewa

bagi program ini adalah sebanyak RM250 sebulan. Pelaksanaan program ini akan dilaksanakan di kawasan bandar-bandar utama menggunakan unit PPR sedia ada seperti di Kepong dan di Johor Bahru.

Selain itu, KPKT juga merancang untuk melaksanakan pembinaan 300 unit rumah di bawah Program Rumah Transit untuk golongan muda di Tanjung Malim di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), KPKT. Permohonan untuk melaksanakan program ini akan dipohon dalam *Rolling Plan 2 Tahun 2017*.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016